



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

WANG PENDAHULUAN PINJAMAN PTPTN MANFAATKAN LEBIH 26,000 PELAJAR

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), terus memperkukuh agenda pemerkasaan pendidikan tinggi negara menerusi pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) berjumlah RM1,500 kepada pelajar baharu yang layak. Kemudahan ini disediakan bagi membantu menampung sebahagian kos persediaan awal kemasukan ke Universiti Awam (UA) dan Politeknik, sekali gus meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh keluarga. Inisiatif ini juga mencerminkan keprihatinan PTPTN dalam memastikan pelajar dapat memulakan pengajian mereka dalam keadaan yang lebih bersedia, teratur dan selesa.
2. WPP diberikan kepada pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang telah memberikan persetujuan menerima WPP semasa membuat permohonan kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) melalui *UPUOnline* atau melalui portal kemasukan UA. Selain itu, ibu bapa atau penjaga pelajar juga merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.
3. Semenjak WPP diperkenalkan pada tahun 1999 hingga 31 Julai 2026, lebih 1 juta orang pelajar telah menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah RM1.48 bilion. Bagi kemasukan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di UA dan Politeknik sesi September 2026, penawaran WPP akan memberi manfaat kepada seramai 26,457 pelajar melibatkan peruntukan berjumlah RM39.7 juta.
4. Pelajar boleh membuat semakan tawaran WPP melalui aplikasi myPTPTN dan boleh menunaikan WPP tersebut di kaunter Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) di seluruh negara mulai 4 September 2026 (Jumaat) dengan membawa surat tawaran WPP dan juga MyKad pelajar (wakil adalah tidak dibenarkan). Tempoh sah laku WPP adalah selama dua (2) bulan bermula 4 September 2026 (Jumaat) hingga 3 November 2026 (Selasa).

5. Pada hari ini, PTPTN terus menyantuni para pelajar yang ditawarkan WPP menerusi sesi ziarah ke rumah pelajar di kawasan Tasek Gelugor, Pulau Pinang diikuti dengan Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pinjaman bagi kawasan Bukit Gelugor, yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir Encik Muhammad Muhsin bin Abdul Rahman, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang.

6. Pengerusi PTPTN, Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "PTPTN terus komited dalam memperkukuh agenda pendidikan tinggi dengan memastikan akses kepada pembiayaan pendidikan terus diperkasa dan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang serta kedudukan sosioekonomi. Seiring dengan aspirasi tersebut, WPP PTPTN merupakan antara inisiatif strategik yang dilaksanakan bagi menyediakan sokongan kewangan awal kepada pelajar, sekali gus membantu meringankan beban kewangan keluarga dalam membuat persiapan dan memenuhi keperluan asas sebelum pelajar memulakan pengajian di Universiti Awam (UA) dan Politeknik."

7. Untuk makluman, pelajar yang ingin memohon pinjaman PTPTN boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN mengikut tarikh permohonan yang ditetapkan bagi setiap UA dan Politeknik untuk memastikan pinjaman dapat diproses dan diluluskan sewajarnya. Pelajar yang ingin memohon pinjaman PTPTN perlu mempunyai akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang boleh dibuka melalui aplikasi myPTPTN.

8. Para pelajar boleh merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UA dan Politeknik masing-masing atau terus menghubungi PTPTN sekiranya terdapat sebarang pertanyaan. Maklumat lanjut berkenaan WPP dan pinjaman PTPTN juga boleh diperoleh melalui aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
4 September 2026

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 238).